

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 35

Baki-baki berikut telah dipetik daripada buku Pompei Enterprise pada 31 Mac 2017:

|                                     | RM     |
|-------------------------------------|--------|
| Kenderaan pada kos                  | 56,000 |
| Alatan pejabat pada kos             | 12,400 |
| Susutnilai Berkumpul Kenderaan      | 22,360 |
| Susutnilai Berkumpul Alatan Pejabat | 5,920  |
| Inventori                           | 7,780  |
| Akaun belum terima                  | 4,120  |
| Bank overdraf                       | 1,550  |
| Tunai                               | 870    |
| Akaun belum bayar                   | 2,849  |
| Kadar bayaran terakru               | 120    |

Urus-urus niaga di bawah telah berlaku sepanjang bulan April 2017:

- (i) Kadar bayaran terakru telah dibayar secara tunai. Bil kadar bayaran bulan April 2017 berjumlah RM310 akan dibayar pada bulan Mei 2017.
- (ii) Dua puluh peratus daripada inventori telah dijual secara kredit pada harga RM2,000.
- (iii) Cek bernilai RM120, selepas ditolak diskaun diberi RM20, yang diterima daripada seorang akaun belum terima pada bulan Mac 2017, tidak dilayan oleh bank. Akaun belum terima ini dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Pemilik telah memberi sampel barang niaga bernilai RM80 kepada seorang bakal pelanggan.
- (v) Pemilik telah menjual barang kemas isterinya dan membankkan hasil jualan ini. Baki bank telah menjadi positif kepada RM3,000.
- (vi) Pada awal bulan, sebuah kenderaan perniagaan yang mempunyai nilai bersih RM21,000 telah dijual pada harga RM24,000 secara kredit. Kos kenderaan ini ialah RM26,000.
- (vii) Kenderaan dan alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos aset.
- (viii) Menerima cek daripada pembeli kenderaan sebanyak RM14,000.
- (ix) Cek-cek berikut telah dikeluarkan pada akhir bulan April 2017:
  - Bayar akaun belum bayar RM920 untuk menjelaskan hutang sebanyak RM1,000.
  - Bayar gaji pekerja RM800.
  - Bayar upah membaiki komputer RM120.
  - Memindah RM5,000 ke akaun simpanan tetap.

**Dikehendaki:**

(a) Merekod kesemua urus niaga bulan April 2017 mengikut jadual di bawah:

| ASET       |           |                |           |                    |      |       |                |                         | LIABILITI         |                       | EKUITI PEMILIK |               |
|------------|-----------|----------------|-----------|--------------------|------|-------|----------------|-------------------------|-------------------|-----------------------|----------------|---------------|
| Urus niaga | Kenderaan | Alatan Pejabat | Inventori | Akaun belum terima | Bank | Tunai | Simpanan tetap | Akaun belum terima lain | Akaun belum bayar | Kadar bayaran terakru | Modal          | Untung bersih |
|            | RM        | RM             | RM        | RM                 | RM   | RM    | RM             | RM                      | RM                | RM                    | RM             | RM            |
| Baki awal  |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (i)        |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (ii)       |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (iii)      |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (iv)       |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (v)        |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (vi)       |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (vii)      |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (viii)     |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| (ix)       |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |
| Baki akhir |           |                |           |                    |      |       |                |                         |                   |                       |                |               |

(b) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 30 April 2017. Tunjukkan susut nilai terkumpul kenderaan dan alatan pejabat di penyata kedudukan kewangan yang anda sediakan.